



11 NOV, 2021

MRANTI, mudahcara proses pencetusan idea



Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

MRANTI, mudahcara proses pencetusan idea

KUALA LUMPUR: Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) ditubuhkan bagi memudahkan proses pencetusan idea sehingga ke penghasilan impak melalui penciptaan, pembangunan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, MRANTI yang ditubuhkan melalui penggabungan dua agensi di bawah kementerian iaitu Technology Park Malaysia dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dijangka beroperasi tahun depan.

"Melalui MRANTI, 'Return on Ideas' atau pulangan daripada idea secara umumnya merujuk kepada pertukaran pengetahuan kepada perolehan fiskal.

"MRANTI ditubuhkan sebagai landasan pelan-

caran teknologi dan inovasi untuk membantu perusahaan, penyelidik dan perusahaan memaksimumkan pulangan idea pada kadar yang lebih cepat, dengan mengoptimalkan sinergi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Adham berkata, penubuhan MRANTI di bawah program Pemecut Pengkomersialan Teknologi (TCA) itu selaras dengan strategi di bawah pemangkin dasar membangunkan tenaga kerja masa hadapan.

Katanya, ia juga selaras dengan strategi kerajaan untuk mempercepat penerimbaan teknologi dan inovasi yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Beliau berkata selain menawarkan program pembangunan kapasiti dan bantuan untuk menembusi pasaran,

MRANTI juga akan menawarkan kemudahan fasili-



PRA PELANCARAN...Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba (dua, kiri) hadir pada Majlis Pra Pelancaran Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) ketika di Teknologi Park Malaysia kelmarin.

• Foto BERNAMA

ti prototaip dan lapangan ujian langsung serta kemudahan dan perkhidmatan para penyelidik dan inovator.

- Bernama



11 NOV, 2021

MRANTI, mudahcara proses pencetusan idea

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) ditubuhkan bagi memudahcara proses pencetusan idea sehingga ke penghasilan impak melalui penciptaan, pembangunan dan pengkomersialan teknologi dan inovasi. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, MRANTI yang ditubuhkan melalui penggabungan dua agensi di bawah kementerian iaitu Technology Park Malaysia, dan Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dijangka beroperasi tahun depan.